



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62100 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
Tel: 03-8891 2682
Faks: 03-8888 2311
Laman Web: www.kemas.gov.my

No. Rujukan: KEMAS.100-9/1/3 (12)

Tarikh: 14 Disember 2024 / 12 Jamadilakhir 1446H

353 PREMIS KEMAS TERJEJAS BANJIR

Sebanyak 353 premis Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di seluruh negara mengalami kerosakan akibat banjir yang melanda sejak November lalu.

Premis yang terjejas merangkumi 339 premis TABIKA/TASKA, 11 premis pendidikan kemahiran, dan tiga Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM) yang melibatkan lapan negeri iaitu Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang, Terengganu, Selangor, dan Sarawak.

Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Mohd Hanafiah Man, menyatakan bahawa kejadian ini sedikit sebanyak menjejaskan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), membabitkan seramai 7,673 kanak-kanak TABIKA/TASKA dan 855 kakitangan KEMAS di negeri-negeri terlibat.

“Kita telah menggerakkan Skuad Ihsan Madani di seluruh negeri untuk melaksanakan misi bantuan banjir, termasuk kerja-kerja pembersihan premis dan kediaman yang terjejas.

Keutamaan kami adalah memastikan operasi premis KEMAS dapat disambung seperti biasa dengan segera,” katanya ketika melawat premis yang terjejas hari ini.

Beliau turut memaklumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah telah mengarahkan permohonan mendapatkan bajet baikpulih untuk premis KEMAS yang terbabit.

Tambah beliau lagi, KEMAS telah mengangkat makluman dan permohonan kepada Ketua Setiausaha kementerian. Tindakan segera KSU telah mendapat maklum balas bahawa pada dasarnya peruntukan yang dipohon diluluskan dan akan disalurkan sedikit masa lagi.

Dalam pada itu, Yayasan Bank Rakyat (YBR) juga turut melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM7,400 untuk diagihkan kepada 42 kakitangan KEMAS di Kedah yang terjejas akibat banjir.

KEMAS Kedah juga berjaya mengumpulkan sumbangan berjumlah RM14,712 untuk membantu mangsa, manakala PUSPANITA KEMAS Kedah menyumbangkan barangan keperluan seperti makanan dan tuala kepada mangsa banjir.

“Kami sentiasa komited memastikan komuniti yang terkesan mendapat bantuan sewajarnya dan premis yang rosak dapat kembali beroperasi dengan selamat serta teratur,” tambah beliau.

Banjir ini merupakan cabaran besar kepada KEMAS, namun usaha kolektif pelbagai pihak membuktikan komitmen untuk membantu komuniti kembali bangkit dan meneruskan kehidupan.

-TAMAT-

***Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat KEMAS
14 Disember 2024***